

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TENGKU ZULPURI BIN RAJA PUJI [RAUB]

TARIKH : 10 NOVEMBER 2020 [SELASA]

SOALAN

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan usaha-usaha yang diambil oleh Kementerian dalam menyediakan kemudahan rumah mampu milik kepada rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, antara usaha sedia ada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dalam menyediakan kemudahan rumah mampu milik (RMM) kepada rakyat adalah melalui pelaksanaan program dan skim perumahan seperti berikut:

- (a) **Program Perumahan Rakyat (PPR) Dimiliki** yang menawarkan rumah PPR berharga RM35,000 seunit di Semenanjung Malaysia dan RM42,000 seunit di Sabah/Sarawak kepada pembeli rumah pertama daripada golongan B40 berpendapatan isi rumah di bawah RM3,000 sebulan;
- (b) **Skim Perumahan Mampu Milik Swasta (MyHome)** yang menawarkan insentif sebanyak RM30,000 bagi pembeli rumah pertama daripada kalangan B40 dan M40 yang berpendapatan isi rumah di bawah RM10,000 sebulan; dan
- (c) **Rumah Mesra Rakyat (RMR) di bawah Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB)** di mana pemohon yang berkelayakan dan memiliki tanah sendiri boleh memohon program RMR untuk membina rumah dengan harga RM75,000 hingga RM106,500 dengan subsidi Kerajaan berjumlah RM20,000, manakala baki RM55,000 hingga RM86,500 dibiayai melalui pinjaman yang ditawarkan oleh SPNB dengan bayaran balik ansuran yang lebih rendah.

2. Selain itu, terdapat juga program perumahan lain di bawah KPKT yang memberi keutamaan kepada pembeli rumah pertama seperti berikut:

- (a) Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM) yang merupakan program khusus kepada penjawat awam dalam kalangan B40 dan M40 untuk memiliki rumah dengan harga yang lebih rendah dari harga pasaran; dan
- (b) Perumahan PR1MA yang menawarkan perumahan kepada golongan B40 dan M40 berpendapatan isi rumah di bawah RM15,000 sebulan untuk memiliki rumah.

3. Untuk makluman Yang Berhormat juga antara **inisiatif sewaan perumahan** oleh KPKT terutamanya di bandar-bandar besar utama adalah melalui program berikut:

- (a) **PPR Disewa** yang menawarkan rumah PPR dengan kadar sewaan RM124 sebulan kepada pemohon yang berkelayakkan daripada golongan B40 berpendapatan isi rumah di bawah RM3,000 sebulan;
- (b) **Rumah Transit** menawarkan rumah sewa pada kadar RM250 sebulan kepada pasangan muda baharu berkahwin; dan
- (c) **Rumah Transit Belia** yang menawarkan rumah secara sewaan pada kadar sewaan sebanyak 20%-30% lebih rendah daripada harga pasaran di samping menyediakan *forced savings* kepada penyewa.

Sekian, terima kasih.